

Keluarga jauhkan diri

Tidak dapat sokongan ibu bapa untuk lanjutkan pelajaran selepas tamat SPM

Soalan:

SAYA gadis remaja berusia 18 tahun dan baru saja mengambil keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Keputusan SPM saya boleh dikategorikan sebagai baik. Saya bersyukur dan reda, tapi ibu tidak dapat menerimanya.

Ibu saya sering memarahi saya dan selepas keputusan keluar, ahli keluarga seakan-akan menjauhkan diri dari saya. Ayah juga seakan-akan tidak lagi memberikan sokongan. Ibu menyuruh saya melanjutkan pelajaran menggunakan wang sendiri. Saya kecewa kerana tidak diberi sokongan oleh ahli keluarga manakala ibu dan bapa saudara lain tetap memberikan sokongan.

Saya tertanya-tanya mengapa ibu dan bapa sendiri tidak memberi sokongan dan mereka seakan-akan menutup peluang saya untuk meneruskan pelajaran. Saya tertekan. Saya harap Dr dapat bantu saya. Terima kasih.

Gadis Kecewa,
Perak



Jawapan:

DR ucapkan tahniah kerana adik mendapat keputusan SPM yang baik. Dr juga gembira adik mempunyai keinginan kuat untuk melanjutkan pelajaran. Sememangnya, ilmu amat penting dalam kehidupan.

Imam Al-Ghazali menjelaskan bahawa menuntut ilmu adalah takwa, menyampaikan ilmu adalah ibadah, mengulang-ulang ilmu adalah zikir dan mencari ilmu adalah jihad. Seterusnya, keinginan kuat untuk belajar masa sekarang boleh menjamin masa

hadapan. Samuel Johnson, seorang ahli falsafah mengatakan masa depan itu dibeli oleh masa sekarang.

Dr harap adik tidak akan berputus asa dalam menuntut ilmu walaupun tidak mendapat sokongan ibu bapa. Pepatah ada mengatakan manusia yang tidak berharap untuk menang sudah sedia kalah.

Mengenai sikap ibu yang kecewa dan keluarga yang seakan-akan menjauhkan diri, sering kali ibu bapa mendoakan yang terbaik untuk anak-anak mereka.

Harapan tinggi memang diletakkan kepada anak-anak untuk berjaya. Niat murni setiap ibu bapa untuk melihat anak mereka mendapat keputusan peperiksaan yang baik dan berjaya dalam kehidupan adalah lumrah.

Apa yang berlaku secara realiti ialah kebolehan setiap individu adalah berbeza. Perbezaan secara kognitif dari sudut psikologi perkembangan akan menyumbang kepada perbezaan dari segi pencapaian akademik. Ibu bapa yang mengharapkan semua anak-anak mere-

ka dapat keputusan yang cemerlang akan merasa kecewa apabila ada di antara mereka tidak menyerlah.

Apabila keinginan untuk melihat adik mendapat keputusan seperti diidamkan tidak dipenuhi, tentu sukar sekali kedua ibu bapa adik untuk menerima kenyataan. Memahami perasaan kecewa ibu bapa adik dan seolah-olah berada di tempat mereka akan mengurangkan rasa tertekan. Beri masa dan ruang kepada mereka untuk menerima realiti keputusan peperiksaan SPM adik.

Selalunya, masa akan dapat menyembuh kekecewaan seseorang apatah lagi, kasih sayang ibu bapa terhadap anaknya tidak pernah putus.

Dalam masa yang sama, adik boleh membina hubungan yang lebih rapat dengan kedua-dua orang tua dan keluarga. Tunjukkan kesungguhan adik untuk meneruskan pelajaran. Beritahu ibu bapa bahawa sokongan moral dan kewangan mereka amat bermakna dalam hidup adik. Sama-sama kita berharap apabila ibu bapa adik sudah

dapat menerima realiti, bantuan dan sokongan akan diberikan.

Banyak bantuan pelajaran boleh diperoleh jika adik ingin melanjutkan pelajaran. Contohnya, pihak kerajaan menyediakan banyak peluang melanjutkan pelajaran. Adik boleh membuat kerja rumah dengan mencari peluang melanjutkan pelajaran dengan bantuan disediakan. Adik juga boleh jadikan keengganan ibu bapa sebagai cabaran menguatkan untuk semangat berjaya di masa hadapan. Untungnya adik mendapat ibu dan bapa saudara yang masih memberi sokongan kepada adik. Ini akan menjadi sokongan moral yang sangat penting.

Dr mengharapkan adik terus tabah dan menjadikan masalah ini pendorong semangat untuk terus berjaya di masa hadapan. Ini kerana kalau kita melakukan semua yang kita upaya lakukan, sesungguhnya kita akan terkejut dengan hasilnya. Dr doakan yang terbaik untuk adik.

Soalan:

SAYA pelajar yang kini belajar di tingkatan empat di sebuah daerah di utara tanah air. Masalah saya ialah tidak mahu melanjutkan pelajaran lagi kerana sudah jemu belajar.

Dr, ada beberapa sebab yang menyebabkan saya sudah betul-betul malas untuk ke sekolah. Pertama, saya lihat sikap guru di sekolah. Mungkin silap saya sendiri. Saya lihat guru seperti tidak pandai mengajar tapi bukan semua. Ada juga saya rasa bagus dan suka apabila guru itu mengajar.

Pelajar Malas,
Kedah

dan ayah saya tidak mampu untuk memberi belanja persekolahan. Cuma saya sendiri yang ingin menyimpan duit untuk membeli barang keperluan peribadi. Mungkin faktor ini yang menyebabkan minat belajar saya berkurangan. Saya tahu ini merugikan tetapi minat untuk belajar sudah tiada.

Jawapan:

SESUATU yang merugikan jika adik berhenti belajar. Ini kerana pada zaman ini, ilmu penting dalam mengejar cita-cita dan demi masa depan yang cerah. Dr akui, ramai yang berjaya tidak berpelajaran tinggi. Kejayaan mereka banyak disebabkan usaha gigih tak mengenal penat. Tidak bermakna

kejayaan tidak boleh dicapai jika tidak melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi.

Bagaimanapun, adalah lebih baik jika adik dapat belajar setinggi yang boleh. Ini lebih mempercepatkan proses memperoleh kejayaan. Bekerja sambil sambil belajar untuk menambah wang saku memang diakui boleh memberi kesan sampingan negatif kepada pembelajaran. Waktu sepatutnya digunakan untuk belajar kini digunakan untuk bekerja. Tumpuan kini tidak diberikan sepenuhnya kepada pelajaran. Fokus perlu diberikan sepenuhnya kepada pelajaran jika adik seorang pelajar, di samping selimbang fizikal dan mental.

Pekerjaan guru adalah mulla iaitu membimbing dan membentuk generasi sekarang dan akan datang.

Tiada guru yang tidak mahu anak muridnya berjaya. Guru mengajar mengikut silibus dan kurikulum yang ditetapkan. Bagaimanapun, kaedah pengajaran mungkin berbeza daripada seorang guru ke seorang guru. Apapun, setiap guru berniat baik iaitu ingin melihat setiap anak muridnya berjaya. Mengenai pakaian guru, jika tidak melanggar garis panduan berpakaian yang ditetapkan pihak sekolah, guru boleh memakainya.

Seorang yang mempunyai matlamat dalam hidup selalunya akan berusaha untuk merealisasikan matlamat itu. Dr harap adik mempunyai matlamat supaya adik berusaha keras untuk mencapai matlamat diinginkan. Selalunya, untuk mencapai matlamat ini, pelajaran adalah penting. Keinginan kepada wang untuk



perbelanjaan peribadi adalah normal. Cuma ia perlu dikawal kerana jika tidak adik akan lebih menumpukan kepada perkara sampingan bukannya utama dalam kehidupan.

Adik juga boleh meminta bantuan kepada guru bimbingan dan kaunseling di sekolah untuk mendapatkan kaedah bagaimana menambah minat belajar. Selain itu, minta bantuan kawan-kawan sekolah yang adik rasakan

dapat menarik balik minat belajar. Mencari kawan yang betul dalam hidup adalah perlu.

Dr yakin harapan ibu bapa adik terhadap kejayaan anaknya adalah tinggi. Memang itulah hasrat setiap ibu bapa. Sebagai anak, Dr harap adik dapat memildirkan harapan ibu bapa dan juga masa depan. Dr ucapkan adik berjaya menjadi insan yang berguna kepada diri, keluarga, negara dan agama.

Pelajar jemu ke sekolah